


PM terima kunjungan hormat Sheikha Moza

Putrajaya: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam menerima kunjungan hormat Pengerusi Yayasan Qatar bagi Pembangunan Pendidikan, Sains dan Komuniti (QF) dan Pendidikan Yang Penting (EAA), Sheikha Moza Nasser, di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, di sini.

Kunjungan selama 45 minit itu turut dihadiri Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya, dan Duta Qatar ke Malaysia, Fahad Mohammed Yousef Kafoud.

Sheikha Moza yang juga permaisuri kepada Sheikh Hamad bin Khalifa Al Thani, bekas Emir Qatar, tiba di Malaysia Ahad lalu bagi lawatan khas empat hari ke Malaysia sehingga hari ini. Menurut kenyataan Wisma Putra, lawatan itu menyediakan peluang kepada kedua-dua pihak berbincang pelbagai isu bagi kepentingan bersama terutama berhubung pendidikan, kesihatan, memperkasa wanita, belia dan pembangunan komuniti.

BERNAMA



Dr Mahathir menerima kunjungan hormat Sheikha Moza di pejabatnya Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.